

BAB 5: TAMADUN AWAL DUNIA (TINGKATAN 1)

TAMADUN MESIR PURBA

PENGENALAN

- Tamadun Mesir Purba terletak di tebing sungai yg terdiri daripada 2 batang sungai iaitu Sg.Nil Biru dan Sg.Nil Putih.
- Sg.Nil Biru bermula dari tanah tinggi di Ethiopia dan Sg.Nil Putih dari Tasik Victoria di Uganda. Panjang Sg.Nil ialah 1354 km dari utara Mesir ke Laut Mediteranean.
- Tamadun Mesir dianggap sbg "Anugerah daripada Sg.Nil kerana tanpa Sg.Nil tidak akan wujud tamadun Mesir Purba.
- Limpahan air dari Sg.Nil membentuk 1 dataran lanar yg subur dan sesuai utk aktiviti pertanian dan

Lokasi Tamadun Mesir Purba terletak di kawasan Lembah Sungai Nil. Sungai Nil merupakan sungai terpanjang di dunia dengan kepanjangan sejauh 6650 km. Piramid & Firaun merupakan tinggalan terkenal. Tiga tahap pemerintahan Tamadun Mesir Purba iaitu Kerajaan Purba, Kerajaan Pertengahan dan Kerajaan Baru.

Menurut Herodutus Mesir dikatakan Hadiah Sg. Nil (The Gift Of The Nile) kerana Sungai Nil yang membanjiri kawasan sekitarnya setiap tahun membawa lumpur berwarna hitam yang subur untuk pertanian.

Kawasan yang subur ini terletak di Lembah Sungai Nil yang merupakan kawasan lembah yang terbesar di dunia.

Kelebihan /keistimewaan Sungai Nil juga membekalkan sumber makanan terutamanya ikan kepada penduduk lain selain menjadi sumber perhubungan dan pengangkutan terpenting.

Kepentingan Sungai Nil mempengaruhi petempatan di kawasan ini yang kemudian berkembang menjadi negara-kota.

SOALAN

Nyatakan lokasi Tamadun Mesir Purba ?

Siapakah tokoh yang menyatakan 'the gift of the Nile'?

Apakah kelebihan Sungai Nil ?

Nyatakan 3 tahap pemerintahan kerajaan dalam Tamadun Mesir ?

JAWAPAN

Kerajaan Purba, Kerajaan Pertengahan dan Kerajaan baru

Lumpur berwarna hitam sesuai utk pertanian, membekalkan sumber protein, sumber perhubungan dan pengangkutan

Tamadun Mesir Purba terletak di kawasan Lembah Sungai Nil

Herodutus (484-432M)

Rujuk buku teks m/s 99 untuk menjawab tahap-tahap kerajaan Mesir Purba

Bil	Kerajaan Mesir Purba	Tahap Kerajaan Mesir Purba
1	Petempatan terawal di Mesir bermula dengan perkampungan petani pada tahun 5,000 SM	
2	Kerajaan bermula sekitar tahun 2,100-1,650 SM	
3	Muncul apabila golongan bangsawan memerintah Mesir.	
4	Kerajaan utara terletak di hilir Sungai Nil melibatkan kawasan Lembah Sungai Nil. Suhu kawasan ini lebih sejuk berbanding Selatan. Kerajaan di selatan terletak di hulu Sungai Nil merupakan kawasan terbentang luas berhadapan dengan padang pasir.	
5	Berlaku perkembangan bidang kesusasteraan dan ukiran . Kerajaan meluas hingga Selatan Sungai Nil	
6	Pemerintah digelar Firaun yang telah membentuk pasukan tentera yang kuat bagi mematahkan serangan orang luar	
7	Raja yang terkenal ialah RAMSES , telah membina banyak monumen berupa berhala. Kejatuhan bermula apabila RAMSES II memerintah.	
8	Kekuatan raja telah membawa kestabilan dan kemakmuran ekonomi . Ibu kota kerajaan Thebes. Pemerintah menggalakkan kegiatan perdagangan menggunakan jalan sungai.	
9	Kedua-dua Kerajaan Mesir telah disatukan oleh Raja Mennes . Raja Mennes telah membuka bandar Memphis yang menjadi ibu kota kerajaannya. Kemuncak kerajaan pada 2,650 SM.	
10	Para pedagang yang melalui jalan perdagangan Mesir menghadapi ancaman serangan penjahat. Raja Mesir bertindak menghantar tentera bagi melindungi pedagang, penduduk Mesir membina kubu di sepanjang Sungai Nil.	